



Ruj.Kami : Prk. Prk.ML.08/35-22(32)

Tarikh : 9 Mei 2014

## SEPERTI SENARAI EDARAN

Dato`/Tuan,

### DASAR DAN PROSEDUR BARU PELESENAN JABATAN PERIKANAN (PEKELILING BIL 11/2014)

Adalah saya dengan segala hormatnya ingin merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Sukacitanya bersama-sama ini disertakan Pekeliling Bahagian Pengurusan Sumber mengenai arahan **MEWAJIBKAN** penggunaan alat MTU yang berasaskan sistem *Automatic Identification System* (AIS) ke atas semua vesel pukat tunda Zon B dan Zon C.

3. Sehubungan itu, Dato`/Tuan diminta untuk membuat hebahan kepada pihak berkepentingan mengenai syarat baru ini yang akan dilaksanakan sepenuhnya mulai **1 JUN 2014**.

4. Kerjasama dan tindakan daripada pihak Dato`/Tuan amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian terima kasih.

### “BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,

( DATO` HJ AHAMAD SABKI BIN MAHMOOD )

Ketua Pengarah Perikanan Malaysia

Ibu Pejabat Perikanan Putrajaya

Zahir/pekeliling/vmszonB&C

s.k Y.H. Dato` Timbalan Ketua Pengarah Perikanan (Pembangunan)  
Y.Brs. Timbalan Ketua Pengarah Perikanan (Pengurusan)  
Semua Pengarah Bahagian  
Ketua Cawangan Perundangan  
Semua Ketua Cawangan Bahagian Pengurusan Sumber  
Semua Pegawai dan Kakitangan Bahagian Pengurusan Sumber



## **SENARAI EDARAN**

Pengarah Perikanan Negeri Perlis  
Pengarah Perikanan Negeri Kedah  
Pengarah Perikanan Negeri Pulau Pinang  
Pengarah Perikanan Negeri Perak  
Pengarah Perikanan Negeri Selangor  
Pengarah Perikanan Negeri Negeri Sembilan  
Pengarah Perikanan Negeri Melaka  
Pengarah Perikanan Negeri Kelantan  
Pengarah Perikanan Negeri Terengganu  
Pengarah Perikanan Negeri Pahang  
Pengarah Perikanan Negeri Johor  
Pengarah Perikanan Negeri Sarawak  
Pengarah Perikanan W.P Labuan

# PEKELILING BIL 11/2014

## PEKELILING DASAR DAN PROSEDUR PELESENAN JABATAN JABATAN PERIKANAN

### 1.0 TUJUAN PEKELILING

Pekeliling Cawangan Pelesenan ini bertujuan memaklumkan dasar baru prosedur pelesenan sedia ada untuk dilaksanakan iaitu berkaitan mewajibkan penggunaan sistem VMS ke atas semua vesel pukat tunda Zon B dan Zon C.

### 2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Sejak Dasar Pelesenan Baru diperkenalkan pada tahun 1982, Jabatan sentiasa menambah baik dasar dan prosedur pelesenan selari dengan perkembangan industri.
- 2.2 Pengemaskinian dasar dan prosedur pelesenan ini perlu bagi memastikan sumber perikanan terus mapan dan seterusnya menjadi salah satu nadi penggerak ekonomi negara.
- 2.3 Bermula tahun 2006, Jabatan Perikanan Malaysia telah mewajibkan ke atas semua vesel Zon C2 untuk memasang alat MTU di atas vesel masing-masing .

### 3.0 TUJUAN PEKELILING

- 3.1 Selaras dengan hasrat jabatan untuk menguruskan sumber perikanan tangkapan dengan lebih mapan dan cekap, semua vesel pukat tunda zon B dan zon C wajib memasang alat MTU yang menggunakan sistem AIS daripada vendor yang disenaraikan oleh Jabatan
  - 3.2 Peraturan penggunaan alat MTU ini WAJIB dicop di dalam buku lesen pukat tunda zon B dan zon C.
- 4.0 Pekeliling ini akan berkuatkuasa mulai **1 JUN 2014**. Pekeliling berkaitan pemasangan alat MTU di atas vesel zon C sebelum ini adalah **TERBATAL**.